

Puisi Tradisional

Baca bahan di bawah dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pantun Dua Kerat (Nasihat)

Berapa jauh wujud dengan sifat,
Sejauh lutut dengan pelipat.

Sarang semut dalam gelap,
Orang selimut selalu lelap.

Hitam-hitam pucuk kawa,
Sungguh hitam dipandang lawa.

Emas, perak, tembaga, suasa,
Malas bergerak tidak merasa.

Buah sintang buah senikul,
Satu memegang satu memikul.

(Dipetik daripada antologi *Kuingin Berterima Kasih*,
Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia)

1 Berdasarkan puisi tradisional, rangkai kata *satu memegang satu memikul* membawa maksud

ARAS R

- A masyarakat yang gigih.
- B masyarakat yang angkuh.
- C masyarakat yang bekerjasama.
- D masyarakat yang mementingkan diri.

Sarang semut dalam gelap,
Orang selimut selalu lelap.

2 Berdasarkan petikan puisi tradisional di atas, apakah bandingan semacam yang sesuai?

ARAS S

- A Rajin macam semut
- B Hitam macam arang
- C Malas macam keldai
- D Gelap macam malam

3 Apakah yang terjadi kepada orang yang malas?

ARAS S

- A Suka mementingkan diri sendiri
- B Bergantung hidup kepada orang lain

C Akan terlepas sesuatu peluang baik

D Selalu menghabiskan masa dengan tidur

4 Apakah tema pantun dua kerat di atas?

ARAS S

- A Nasihat ke arah kebaikan
- B Peranan masyarakat dalam kehidupan
- C Sindiran terhadap sikap negatif manusia
- D Kerjasama dalam kehidupan bermasyarakat

5 Antara yang berikut, yang manakah **benar** tentang pantun ini?

ARAS T

- A Kejayaan seseorang berkait rapat dengan usaha
- B Orang yang malas akan mendapat keistimewaan
- C Orang yang tidak suka bekerjasama akan dipandang hina
- D Orang yang suka membuang masa tidak akan memperoleh kesenangan

Puisi Tradisional

>> Pantun Dua Kerat (Nasihat)

Praktis Pengukuhan

A Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang sesuai.

aa

pengajaran

lima

repetisi

positif

Pantun Dua Kerat (Nasihat) mempunyai _____ rangkap. Setiap rangkap mempunyai rima akhir terikat, iaitu _____. Pantun ini bertemakan nasihat agar manusia bersifat _____ dalam menjalani kehidupan mereka. Terdapat gaya bahasa _____ dalam pantun ini, iaitu 'Buah sintang buah senikul'. Secara umumnya, pantun ini mempunyai beberapa _____ termasuklah mendidik kita supaya bekerjasama dan jangan malas.

B Tandakan (✓) atau (X) bagi pernyataan di bawah.

1 Kita hendaklah bersikap positif dan selalu bersangka baik.	
2 Sikap lambat bertindak akan menguntungkan kita.	
3 Orang yang malas berusaha tidak akan berjaya.	
4 Kekurangan diri menjadi penghalang untuk berjaya.	
5 Sikap saling membantu dan bekerjasama ialah amalan yang mulia.	